

Penyampai : TAN SRI DATO SERI AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID  
Tajuk : PERASMIAN SESI PENERANGAN MENGENAI GARIS PANDUAN PELAKSANAAN  
ARAHAN NO. 1, 1991 DAN PANDUAN MENGENAI MESYUARAT PAGI  
Lokasi : INTAN BUKIT KIARA, KUALA LUMPUR  
Tarikh : 27-07-1993

Kerajaan telah mewujudkan Jentera Penyelarasan Pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional menerusi Arahan No.1 (1991) yang telah dikeluarkan pada 17 Julai 1991. Arahan No.1 ini adalah bertujuan untuk memastikan agar semua program dan projek pembangunan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan, dan mengikut jadual. Arahan ini telah menyusun semula jentera penyelarasan pelaksanaan pembangunan negara dengan menubuhkan Majlis Pembangunan Negara dan Jawatankuasa Kerja Pembangunan Negara serta Jawatankuasa-Jawatankuasa Pembangunan di peringkat Kementerian. Majlis dan Jawatankuasa yang sama juga diwujudkan di peringkat negeri dan daerah bagi memastikan kelicinan pelaksanaan dasar, program dan projek pembangunan di semua peringkat dalam usaha untuk mencapai matlamat DPN.

Di peringkat Persekutuan, jentera penyelarasan pelaksanaan DPN wujud di tiga peringkat, iaitu peringkat Majlis Pembangunan Negara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Jawatankuasa Kerja Pembangunan Negara yang dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Ketua Setiausaha Negara, dan Jawatankuasa Pembangunan Peringkat Kementerian yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian bagi Kementerian masing-masing. Sesi penerangan pada hari ini akan memberi penekanan khusus terhadap tanggung-jawab Ketua-Ketua Setiausaha dan Setiausaha-Setiausaha Bahagian Pembangunan Kementerian dalam mempengerusi dan mengurusitiakan Jawatankuasa Pembangunan Peringkat Kementerian (JPPK) dengan tujuan supaya matlamat DPN dan Arahan No.1 (1991) tercapai sepertimana tersebut dengan terperinci dalam Garis Panduan Pelaksanaan Arahan No.

1. Secara ringkasnya, fungsi utama JPPK adalah untuk menyelaras dan mengesan pelaksanaan program dan projek di bawah Kementerian dengan menggunakan sistem-sistem pengesanan projek yang sedia ada, iaitu Sistem Pengesanan Projek Pembangunan Yang Disatukan, atau lebih dikenali dengan nama Sistem SETIA yang memberi tumpuan kepada prestasi kewangan, dan juga Sistem Penjadualan Yang Bersepadu (SIAP) bagi pengesanan prestasi fizikal. Fungsi pengesanan ini hendaklah dilaksanakan oleh Kementerian dengan membincangkan laporan prestasi pelaksanaan program dan projek dalam setiap mesyuarat JPPK dan seterusnya mengambil tindakan untuk menyelesaikan masalah-masalah pelaksanaan yang timbul. Jika penyelesaian melibatkan tindakan-tindakan di luar bidangkuasa Kementerian, jentera Arahan No.1 (1991) membolehkan JPPK memperakukan supaya perkara berkenaan dibawa kepada Jawatankuasa Kerja Pembangunan Negara (JKPN) dan sekiranya perlu, kepada Majlis Pembangunan Negara (MPN).

Adalah amat penting bahawa aliran dan hubungan antara semua peringkat dalam jentera ini difahami dan dihayati, dari peringkat daerah ke peringkat negeri, hingga ke peringkat pusat. Contoh format laporan untuk dibawa kepada peringkat JKPN telahpun dinyatakan dalam buku "Garis Panduan Pelaksanaan Arahan No. 1" yang telah dikeluarkan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan pada 12 Februari 1993, yang mana saya percaya naskhah-naskhah buku tersebut telahpun ada dalam simpanan semua Kementerian.

Perlu saya tegaskan di sini bahawa sekiranya Pengerusi dan Urusetia JPPK tidak memainkan peranan dan tanggung-jawab masing-masing dengan berkesan, maka sesungguhnya matlamat Arahan No.1 ini tidak akan tercapai dengan sepenuhnya.

Fungsi utama mengesan prestasi pelaksanaan melalui Sistem-Sistem SETIA dan SIAP perlu diperkemas. Data dan maklumat sistem hendaklah sentiasa dikemaskinikan, oleh kerana data yang tidak tepat atau yang tidak kemaskini akan mempersia-siakan mana-mana sistem komputer, tidak kira betapa canggihnya sistem komputer tersebut. Pengerusi dan Urusetia JPPK hendaklah memastikan bahawa laporan prestasi disediakan mengikut jadual, dibentang dan dibincangkan dalam mesyuarat-mesyuarat JPPK. Laporan prestasi sukutahun hendaklah dibincang dalam mesyuarat pada setiap suku tahun dan prestasi pengemaskinian data hendaklah dibincang dalam mesyuarat pada setiap

bulan.

Memandangkan kepentingan Sistem-Sistem SETIA dan SIAP ini, JKPN telah mengarahkan supaya kedua-dua sistem ini digunakan sepenuhnya kerana pihak Kerajaan telah mengeluarkan perbelanjaan yang besar untuk membangunkan kedua-dua sistem tersebut. Setakat ini saya telah mendapat "feed-back" bahawa kegunaan sistem SETIA masih lagi tidak memuaskan. Sehingga 30hb. Jun 1993 masih terdapat Kementerian yang belum melaporkan sebarang peruntukan di dalam pangkalan data SETIA manakala pada tarikh yang sama terdapat 13 Kementerian yang belum melaporkan apa-apa perbelanjaan pun bagi tahun ini. Saya berharap bahawa kedudukan ini akan diperbaiki dengan sertamerta, lebih-lebih lagi memandangkan bahawa maklumat-maklumat ini adalah penting sebagai asas perancangan bagi Kajian Separuh Penggal yang akan bermula tidak lama lagi.

Saya ingin menekankan sekali lagi bahawa PKPA Bilangan I Tahun 1993, iaitu "Panduan Mengenai Mesyuarat Pagi", adalah bertujuan untuk menyelesaikan masalah-masalah pelaksanaan program dan projek pembangunan secara on the spot. Ini akan dapat memantapkan lagi proses pengesanan secara berterusan bagi memastikan program dan projek pembangunan berjalan mengikut jadual. Sistem "mesyuarat pagi" ini adalah bertujuan untuk menyelesaikan tunggakan kerja di kalangan mereka yang berkaitan dengan lesen, permit dan juga lain-lain kelulusan untuk perdagangan, perindustrian, dan perkhidmatan-perkhidmatan yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Oleh itu, pegawai-pegawai yang mempengerusikan mesyuarat-mesyuarat ini hendaklah menetapkan bahawa perkara yang diberi keutamaan di dalam agenda mesyuarat adalah kedudukan pemerosesan sesuatu lesen, permit atau permohonan yang dikemukakan oleh orang ramai. Keputusan, samada memberi persetujuan atau sebaliknya, hendaklah diberi dengan seberapa segera yang boleh. Ketua-ketua Jabatan hendaklah lebih kerap melawat unit-unit di bawah jabatan masing-masing, dan memberi perhatian yang lebih kepada kerja-kerja Jabatan yang boleh menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Lawatan-lawatan pengawasan hendaklah disusuli selepas taklimat-taklimat yang diberi oleh pegawai-pegawai bawahan, untuk menyelesaikan on the spot kerenah birokrasi yang diamalkan oleh pegawai-pegawai dan staf bawahan. Inspection is a major source of quality control. Just as for testing work, inspection must be planned. Inspection must be undertaken to see a particular work in progress. Regular general inspection should also be mounted. Apabila perakuan-perakuan diterima daripada pegawai-pegawai bawahan, ketua-ketua jabatan hendaklah mengutamakan fail-fail itu, dan tidak meninggalkan fail-fail yang berkenaan berlonggok di atas meja masing-masing.

Dengan harapan tersebut saya dengan sukacitanya merasmikan Sesi Penerangan Mengenai Garis Panduan Pelaksanaan Arahan No.1 (1991) dan Panduan Mengenai Mesyuarat Pagi Kepada Pengerusi Dan Urusetia Jawatankuasa Pembangunan Peringkat Kementerian.